

Seminar Sehari Bersama Takaful Ikhlas

Oleh : Maisarah Mazlan

RABU, 17 APRIL - Pelajar Tahun 3 Sosiologi dan Antropologi Sosial telah mengadakan Seminar Sehari Bersama Takaful Ikhlas bagi mendedahkan cara untuk menangani masalah kewangan dan sebagai persediaan sebelum melangkah ke dunia pekerjaan.

Menurut pengarah program, Syarifah Norayana Syed Muhazzar, semua pelajar Tahun 3 Sosiologi dan Antropologi Sosial (ANSOS) turut serta menghadiri program yang julung kali diadakan bagi memenuhi kursus ANSOS yang terbahagi kepada 12 orang setiap kumpulan bagi melancarkan tugasannya kumpulan.

Program Sehari Bersama Takaful Ikhlas dihadiri oleh Instabul Jubli, wakil dari pihak Takaful Ikhlas serta Pensyarah Program Sosiologi dan Antropologi, Puan Paulin. Menurut pengarah, matlamat program ini adalah untuk mewujudkan kerjasama antara kumpulan serta mewujudkan interaksi antara pihak-pihak swasta.



Pelajar tahun 3 Sosiologi dan Antropologi bergambar bersama wakil dari Takaful Ikhlas beserta dengan Pensyarah Program, Paulin.

Sehubungan dengan itu, penceramah jemputan, Instabul Jubli yang merupakan wakil dari pihak Takaful Ikhlas turut menjelaskan dengan lebih terperinci dan jelas tentang syarikat Takaful Ikhlas serta kebaikan apabila menjadi ahli Takaful Ikhlas. Beliau juga menerangkan tentang risiko yang dihadapi apabila tidak menjadi ahli Takaful Ikhlas apabila menghadapi sebarang kesulitan.

Menurut pengarah program lagi, program ini mencapai apa yang dikehendaki apabila mengetahui tentang takaful ikhlas dengan lebih mendalam, dan sekurang-kurangnya beliau dan kawan-kawan mempunyai jalan untuk menceburinya.

Beliau berharap agar program ini tidak terhenti disini sahaja dan akan diterajui oleh pelajar-pelajar baharu pada masa akan datang.